

17 JAN 2001

Mahathir-Krisis

KRISIS EKONOMI 1998 ADALAH TAHUN PALING BERAT BAGI SAYA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: D.Arul Rajoo

OSAKA, 17 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perjuangan mengatasi krisis ekonomi pada 1998 adalah tahun yang paling berat untuk dihadapinya sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir, yang menyandang jawatan itu pada 16 Julai 1981, berkata ia adalah satu cabaran baginya untuk membuat keputusan mengenai kawalan mata wang terpilih yang diperkenalkan pada September 1998 apabila krisis itu mula berlaku.

"Tetapi saya tiada pilihan. Rakyat kami dan negara kami sendiri yang perlu menentukan nasib kami," kata Dr Mahathir dalam kata-kata aluannya dalam buku "Reflections on Asia", satu himpunan artikel bulanan yang ditulisnya untuk akhbar harian Mainichi Jepun antara Februari 1999 dan Jun 2000.

Dr Mahathir akan melancarkan buku itu dan versi bahasa Jepun bertajuk "Voice from Asia to Japan" semasa lawatan empat hari beliau ke negara ini esok.

"Akhbar Mainichi meminta saya menulis untuk satu ruangan setiap bulan pada masa itu. Semasa saya menulis untuk ruangan ini, saya juga berjuang untuk memastikan dasar itu berjaya," kata Perdana Menteri.

Barat, kata Dr Mahathir, mengkritik Malaysia kerana melaksanakan kawalan itu kerana ia mencabuli kepercayaan kapitalis mereka tetapi selepas dua tahun, langkah itu diakui berjaya dan ekonomi negara pulih lebih baik daripada apa yang dijangkakan.

"Sekarang, George Soros pun mengakui bahawa kami telah melakukan satu keputusan yang tepat," kata beliau merujuk kepada spekulator mata wang itu yang dipersalahkan atas peranannya dalam krisis ekonomi itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia bukan sahaja memperkenalkan kawalan mata wang tetapi juga melakukan banyak perkara lain untuk memulihkan ekonomi termasuk menurunkan kadar faedah bagi membolehkan perniagaan-perniagaan dapat bertahan apabila berurusan dengan pinjaman tidak berbayar dan pinjaman semula bank-bank.

Selain itu, kempen-kempen jualan hartanah untuk menjual sejumlah besar bangunan yang masih belum dijual akibat kegawatan ekonomi, mempromosikan jualan runcit dan memudahkan jual beli kenderaan bermotor juga diadakan, kata beliau.

Dengan semuanya kini menuju ke arah yang betul, Dr Mahathir berkata terdapat keperluan untuk memastikan asas yang ada cukup kukuh untuk generasi akan datang.

Malaysia menetapkan sasaran untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 tetapi pada masa yang sama ia perlu mengekalkan nilai, adat dan cara hidupnya.

Dr Mahathir berkata nilai-nilai dan amalan Barat sudah menguasai dunia, dan menyebut media sebagai contoh dengan merujuk kepada kebebasan media Barat yang bermaksud hak bukan sahaja untuk melaporkan perkara-perkara menarik malahan menyeleweng dan berbohong yang memihak kepada kuasa Barat.

Beliau berkata media Barat menyalahgunakan kebebasan yang diberikan dan mereka tidak dapat menerima sebarang kritikan berhubung penyalahgunaan itu, dan atas sebab itu, sukar bagi pemimpin dunia ketiga untuk diberi laporan yang sebenar-benarnya di Barat.

Tetapi ini tidak dilakukan oleh media Jepun yang bersedia memberi liputan adil bagi berita Asia, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Jepun telah banyak membantu Malaysia semasa

krisis ekonomi itu dan beliau percaya bahawa kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia itu bersedia melakukan lebih daripada itu tetapi dihalang daripada berbuat demikian.

Dr Mahathir berkata beliau berharap buku itu akan memupuk pemahaman yang lebih baik mengenai hubungan antara negara dan rakyat, dan dengan membantu pihak lain memakmurkan diri mereka akhirnya akan membantu memakmurkan kami.

"Musnahkan orang lain dan kami akhirnya akan memusnahkan sesuatu milik kami," kata beliau.

-- BERNAMA

AR ZS NAK